

**TEKS UCAPAN  
MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA TAMAT LATIHAN  
DAN PENTAULIAHAN INSPEKTOR  
KOR-SUKSIS UMS SIRI 1/2008**

---

**LEFT.KOL.PROF. DATUK DR. KAMARUZZAMAN HJ. AMPON,  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan

Salam Sejahtera



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Salutation (pihak SUKSIS, mohon sediakan)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada petang ini bersempena dengan Majlis Makan Malam Kor-Sukarelawan Polis (SUKSIS) UMS bersama skuad 1/2005.

Majlis ini merupakan majlis makan malam yang kedua sempena pentauliahahan skuad 1/2005 sebagai Inspektor Sukarelawan Polis yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang pada 21JUN 2008 yang lalu. Di samping itu, majlis ini juga adalah sebagai medium mempertemukan dan merapatkan lagi hubungan antara pihak polis dengan pihak UMS sebelum para pelatih meneruskan bidang pengkhususan masing-masing.

**Hadirin Sekalian,**

Kegigihan selama 3 tahun menjalani latihan kepolisan tanpa mengabaikan matlamat utama sebagai mahasiswa/i di UMS ini telah menunjukkan kepada kita semua hasrat murni kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berketrampilan dalam pelbagai bidang telah menunjukkan hasil. Tidak lupa juga dengan para pegawai dan jurulatih yang selama ini bertungkus lumus melatih para pelatih Kor-Suksis UMS sejak ia mula ditubuhkan lagi di samping merangka pelbagai program seperti lawatan ke luar negara, kursus etika dan integriti dan sebagainya. Untuk makluman datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, baru-

baru ini, skuad 1/2006 buat pertama kalinya dalam sejarah mengadakan bakti siswa di tempat yang terpencil di negeri Sabah dan jarang orang lain memikirkannya untuk membuat program di tempat sedemikian. Tempat yang saya maksudkan adalah di Long Pa'sia. Kejayaan ini menunjukkan Kor-Suksis UMS telah mula mengorak langkah dengan aktiviti sedemikian agar dapat merapatkan lagi masyarakat luar bandar dengan PDRM dan lebih-lebih lagi dengan UMS. Di samping itu, untuk makluman datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, UMS juga bakal menjadi sebuah Universiti yang pertama di Malaysia mendirikan sebuah balai polis yang mana mempunyai fungsi seperti balai-balai polis yang lain. Kewujudan Balai Polis UMS ini merupakan salah satu titik tolak pembangunan dalam pasukan PDRM amnya dan unit Kor

Sukarelawan SUKSIS khususnya. Secara tidak langsung, kewujudan Balai Polis UMS ini akan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara pihak UMS dengan pihak PDRM dari segi keselamatan dan keamanan dalam dan di luar Universiti Malaysia Sabah.

**Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Saya berharap segala ilmu, kemahiran dan pengalaman yang telah dipelajari melalui badan unit beruniform Kor-Suksis akan dapat digunakan dengan sebaiknya apabila tuan-tuan dan puan-puan berada dalam dunia pekerjaan kelak. Lebih-lebih lagi, mungkin ada dalam kalangan tuan-tuan dan puan-puan selepas ini akan memilih

profesion Polis sebagai bidang kerjaya. Sekaligus, dapat memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara dalam mengawal dan menangani masalah jenayah yang semakin meruncing.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya dengan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada ahli jawatankuasa yang telah merancang dan melaksanakan majlis ini bagi meraihan Inspektor Sukarelawan Polis UMS skuad 1/2005 . Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pelatih Kor-Suksis skuad 1/2005 yang banyak menyumbangkan jasa dan tenaga dalam setiap aktiviti yang dilakukan sepanjang 3 tahun

latihan sebagai anggota sukarelawan polis di UMS. Semoga segala usaha, jasa dan tenaga yang disumbangkan diterima oleh Allah s.w.t. sebagai amal soleh.

و بالله التوفيق و الهداية  
السّلام عليكم و رحمة الله و بركاته